

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 1: MENGENALI SEJARAH	
Arca	Patung yang diperbuat daripada batu, kayu dan lain-lain yang dipahat dan menyerupai bentuk sesuatu
Artifak	Peralatan ciptaan manusia yang digunakan untuk perburuan, pertanian dan perdagangan
Bukan Artifak	Data arkeologi berkaitan dengan budaya manusia yang terdapat di bawah tanah dan di atas permukaan tanah seperti dinding gua, dinding kota dan struktur binaan
Ekskavasi	Proses mengumpulkan data dalam bidang arkeologi untuk memperoleh maklumat tentang masa lampau manusia. Aktiviti gali cari bermula dari permukaan tanah hingga tahap tanah asal
Empati	Memahami perasaan orang lain
Ensiklopedia	Satu daripada sumber sekunder, bahan yang terkandung dalam ensiklopedia ini berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang sahih
Epigrafi	Ilmu mempelajari tulisan yang terdapat pada tugu, bangunan dan prasasti
Grid	Penandaan kawasan di tapak arkeologi untuk aktiviti gali cari
<i>Histories</i>	Atau Sejarah Perang Parsi (<i>The Persian War</i>) karya Herodutus
Iktibar	Pengajaran
Kronologi	Kronologi merujuk kepada rentetan peristiwa yang berlaku secara teratur mengikut urutan masa dari awal hingga yang terakhir dari bergerak mengikut satu garisan lurus
Monograf	Tulisan, huraian, rencana
Paleografi	Ilmu yang mengkaji dan menganalisis tulisan kuno pada daun lontar, papirus, tanah liat atau batu
Sumber Sekunder	Sumber yang telah diolah atau diterbitkan dan bahan tersebar kepada umum
Sumber Primer	Sumber yang belum diolah atau diterbitkan, bersifat asli dan belum ditafsir
Sumber Sejarah	Terbahagi kepada sumber primer dan sumber sekunder
Syajaratun	Istilah sejarah berasal daripada perkataan Arab, "syajaratun" yang bererti pokok
Tafsiran	Penjelasan, pengertian atau pendapat
Tambo	Riwayat dahulu kala

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 2: ZAMAN AIR BATU	
<i>Bison occidentalis</i>	Binatang yang terdapat di Amerika Utara pada Zaman Air Batu
Geologi	Merujuk bidang ilmu yang mengkaji pembentukan bumi
Paleontologi	Bidang ilmu yang mengkaji organism yang pernah hidup di bumi, sisa atau fosil yang telah terawit dalam sedimen binatang, tumbuhan dan bentuk-bentuk hidupan purbakala
Teori Milankovitch	Menurut teori ini , pusingan bumi mengeliling matahari menyebabkan berlakunya pelbagai perkembangan pada Zaman Air Batu
<i>Wooly Mammoth</i>	Binatang yang hidup pada Zaman Paleitosen
Zaman Holosen	Zaman yang bermula sejak 10,000 tahun dahulu hingga kini
Zaman Miosen	Zaman yang dipercayai berlaku antara 23 juta hingga 5 juta tahun dahulu
Zaman Pleistosen	Zaman yang berlaku antara 2.5 juta hingga 10,000 tahun dahulu
Zaman Pliosen	Zaman yang dipercayai berlaku antara 5.3 juta hingga 2.6 juta tahun dahulu

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 3: ZAMAN PRASEJARAH	
Animisme	Kepercayaan bahawa setiap benda hidup mempunyai kuasa dan semangat yang mampu menentukan kehidupan manusia
Altamira	Bukti lukisan yang ditemukan di dalam gua Altamira menunjukkan kewujudan manusia Zaman Mesolitik
Ban Chiang	Terletak di Thailand. Manusia di sini menjalankan aktiviti pertanian, pembuatan logam, tekstil, tembikar tanah dan kegiatan memelihara binatang
Bhimbetka	Terletak di bahagian tengah India yang menjadi bukti di tapak ini terdapat kehidupan manusia prasejarah di India
Budaya megalit	Budaya berasaskan penggunaan batu-batu bersaiz besar
Catal Huyuk	Terletak di Turki, diduduki oleh manusia Zaman Prasejarah
Ekofak	Bukti tinggalan data arkeologi yang menjadi petunjuk wujudnya kegiatan budaya manusia di sesuatu kawasan seperti tulang binatang
Estetika	Kecantikan atau keindahan yang dikaitkan dengan bidang seni
Gobekli Tepe	Diduduki oleh manusia pada 12,000 SM
Gua Chauvet	Tapak prasejarah yang terletak di Perancis
Gua Liang Bua	Terletak di Pulau Flores Indonesia. Tapak ini menunjukkan kehidupan manusia sejak Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam
Gua Padah-lin	Terletak di Myanmar merupakan tempat tinggal manusia Zaman Prasejarah antara 13,000 SM hingga 11,000 SM
Gua Tabon	Terletak di Filipina. Tapak Zaman Prasejarah dan dijumpai rangka manusia
Ideofak	Hasil tinggalan manusia Zaman Prasejarah yang berkaitan dengan ideology atau kepercayaan
Komersial	Hal berkaitan dengan perniagaan atau perdagangan
Lenggung	Terletak di Perak. Dijumpai rangka <i>Perak Man</i> yang merupakan bukti menunjukkan kehidupan manusia Zaman Prasejarah di negara ini
Monumen	Bangunan yang dibina untuk memperingati seseorang tokoh ternama atau sesuatu peristiwa penting
Oker merah (hematif)	Bahan pewarna merah yang diperolehi daripada batu kawi atau batu lada
Organisasi Sosial	Pola hubungan yang dibentuk oleh masyarakat hasil kerjasama antara ahli atau keluarga bagi mencapai matlamat bersama
Realisme	Aliran sastera dan seni yang menggambarkan kisah kehidupan sebenar
Ritual	Tatacara dalam upacara keagamaan
Sa Hyun	Terletak di Vietnam. Lokasi ini merupakan tapak Zaman Besi. Aktiviti utama ialah pembuatan tembikar
Simbolisme	Lambang yang menggambarkan sesuatu perkara atau erti tertentu
Stonehenge	Binaan ini terletak di Britain, dikaitkan dengan upacara ritual dan tempat mengkaji bintang
Zaman Batu	Merujuk kepada penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut
Zaman Logam	Manusia zaman ini tinggal menetap dan membina tempat kediaman mereka dengan lebih baik
Zaman Paleolitik	Manusia zaman ini masih mendiami gua dan lubang bawah tanah

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

Zaman Mesolitik	Manusia zaman ini masih mendiami gua dan lubang bawah tanah
Zaman Neolitik	Manusia zaman ini hidup menetap dan membina rumah
Zaman Prasjarah	Zaman sebelum manusia mengenal tulisan
Zhoukuodian	Terletak di China dan ditemukan rangka manusia yang dinamakan <i>Peking Man</i>
Terletak di Thailand	Terletak di Iran. Tapak ini menunjukkan kehidupan masyarakat yang tersusun dengan kawasan perumahan, kawasan perkuburan dan kawasan pembuatan barang harian

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 4: MENGENALI TAMADUN	
Anyang	Kota utama yang terletak berhampiran Sungai Huang He dalam tamadun Huang He
Artisan	Golongan yang berkemahiran dan karyawan
“Hadharah”	Mengandungi prinsip-prinsip nilai meliputi aspek akidah, syarak, akhlak, falsafah, kebudayaan dan peradaban
Ibn Khaldun	Tokoh awal yang membicarakan tentang tamadun. Beliau memperkenalkan konsep tamadun, iaitu “umran” dan “hadharah” yang digunakan dalam bukunya bertajuk <i>Muqqadimah</i>
Mahenjo Daro	Kota utama yang terletak berhampiran Sungai Indus dalam tamadun Indus
Memphis	Kota utama yang terletak berhampiran Sungai Nil dalam tamadun Mesir
Piramid	Piramid dibina sebagai kawasan perkuburan raja Mesir
Piktograf	Bentuk dalam tulisan kuneiform yang digunakan semasa tamadun Mesopotamia
Tamadun	Suatu pencapaian tertinggi oleh sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang
Ur dan Uruk	Kota-kota utama yang terletak berhampiran Sungai Tigris dan Euphrates dalam tamadun Mesopotamia

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 5: TAMADUN AWAL DUNIA	
Bulan Sabit Subur	Kawasan subur yang terletak di antara Laut Mediteranean dan Teluk Parsi
Chaldea	Kerajaan terakhir dalam tamadun Mesopotamia
Firaun	Gelaran pemerintah Mesir
Hadiah Sungai Nil	Sungai Nil membanjiri kawasan sekitarnya setiap tahun membawa lumpurberwarna hitam yang subur untuk pertanian
Hieroglif	Tulisan awal tamadun Mesir
Huang He	Bermaksud Sungai Kuning yang menyimpan banyak lumpur kekuningan yang subur
Kuneiform	Tulisan ini digunakan oleh penduduk d tamadun Mesopotamia untuk menukilkan puisi
Kod Hammurabi	Kod undang-undang ini digubal semasa Raja Hammurabi memerintah tamadun Mesopotamia
Piktograf	Tulisan awal tanadun Indus
Raja Menes	Raja Mmenes membuka Bandar Memphis yang kemudian menjadi ibu kota kerajaannya
Ramses	Raja Mesir atau Firaun yang telah membina banyak monument berupa berhala
Sumeria	Kerajaan pertama dalam tamadun Mesopotamia
Zigurat	Binaan berbentuk pyramid, dibina untuk tujuan pembinaan, dinding besar dibina mengelilingi setiap bandar

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 6: PENINGKATAN TAMADUN YUNANI DAN ROM	
Akueduk	Sistem perancangan dan pengawalan air yang berfungsi membekalkan air ke rumah kediaman di sekitar Bandar dalam empayar Rom
Amfiteater	Colosseum mini atau sebuah gelanggang terbuka yang digunakan untuk membuat persembahan seni, pertunjukan dan gladiator
<i>acropolis</i>	Pusat komuniti yang dilindungi oleh kubu
<i>Agora</i>	Tempat pertemuan dan pasar awam
Aristokrasi	Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan bangsawan
Caracalla	Tempat mandi awam didirikan semasa pemerintahan Maharaja Caracalla yang dilengkapi kemudahan termasuk tandas,ruang mandi, ruang untuk mengurut, bilik rehat dan bersenam
Colosseum	Tempat mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar seperti acara gladiator
Demokrasi	Pemerintahan yang dipilih oleh rakyat melalui pengundian
Dewan Perhimpunan	Merupakan badan pentadbiran yang paling tinggi di Athens, mempunyai kuasa menetapkan dasar, mengeluarkan deklarasi peperangan dan berfungsi sebagai mahkamah awam
<i>Ephors</i>	Lima orang pegawai yang berfungsi memastikan raja tidak memerontah secara mutlak
Juri	Badan yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan keadilan
Majistret	Badan yang melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan, sama dengan perkhidmatan awam dalam sistem pentadbiran hari ini
Majlis	Merupakan jawatankuasa yang mengendalikan urusan dan perbincangan hal-hal penting berkaitan pemerintahan dan pentadbiran
Marco Vitruvius	Seorang arkitek yang mengarang buku tentang seni bina, iaitu <i>On Architecture</i>
<i>Milecastel</i>	Beberapa kubu kecil dalam jarak sebatu setiap satu yang menempatkan tentera yang mengawal yembok pertahanan
Monarki	Sistem beraja yang berasaskan keturunan
<i>Oculus</i>	Ruang terbuka di puncak Pantheon
Oligarki	Pemerintahan yang dikuasai oleh sebahagian kecil golongan yang berkuasa
Pantheon	Binaan berkubah yang terbesar di dunia yang digunakan sebagai tempat penyembahan dewa-dewa masyarakat Rom
<i>Patrician</i>	Kelompok atasan masyarakat dalam Tamadun Rom
Pax Romana	Tempoh 200 tahun keamanan wujud dalam Tamadun Rom yang berkembang meliputi tga buah benua, iaitu Asia, Afrika , dan Eropah
Pericles	Pada zaman pemerintahan Pericles penekanan diberikan kepada kuasa rakyat bagi memantapkan sistem demokrasi
Plebian	Kelompok masyarakat dalam Tamadun Rom yang terdiri daripada petani, artisan, peniaga dan golongan hamba
<i>Polis</i>	Ibu kata dan pusat tumpuan masyarakat
Solon	Solon ialah pengasas demokrasi di Athens
Tirani	Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan yang zalim dan menindas rakyat

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 7: PENINGKATAN TAMADUN INDIA DAN CHINA	
Asoka	Pemerintah Dinasti Maurya
Cai Lun	Memperkenalkan teknologi pembuatan kertas campuran kulit pokok, serpihan rami kain, dan jaring
Dinasti	Pemerintahan raja yang berasal daripada satu keturunan
Dinasti Han	Melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam sebagai sebahagian daripada perkembangan dalam sistem pendidikan
Dinasti Maurya	Kekuatan tentera menjadi asas perluasan kuasa
Empayar	Wilayah yang luas yang berada di bawah satu pemerintahan
Han Fei Zi	Pengasas kepada pendidikan yang menekankan aspek pemahaman undang-undang
Infantri	Tentera berjalan kaki
Janapada	Kerajaan-kerajaan kecil yang terdapat Lembah Ganges
Kavalri	Tentera berkuda
Kaviraja (raja penyair)	Gelaran yang diberikan kepada Raja Samudragupta kerana meminati puisi berbentuk keagamaan
Konfusius	Menulis karya <i>Lun Yun</i> dan <i>Analects</i>
Laluan Sutera	Laluan perdagangan daratan yang terpanjang di dunia melibatkan China hingga empayar Rom
Liu Bang	Pengasas Dinasti Han
Mahajanapada	Kerajaan yang lebih besar di Lembah Ganges
Loyang	Pusat pemerintahan Dinasti Han Akhir
Shi Huangdi	Pemimpin Dinasti Qin yang bertanggungjawab menyatukan China
<i>Sima Qian</i>	Sejarawan China yang pertama yang menulis karya yang bertajuk <i>Shiji</i>
Tiang Asoka	Peraturan dan undang-undang dalam pemerintahan Asoka diukir pada tiang batu yang diletakkan di kawasan strategik
Zaman Gupta	Penekanan diberikan kepada agama Hindu
Zaman Keemasan	Pencapaian atau kemajuan besar dan tertinggi dalam bidang tertentu yang dicapai oleh sesebuah pemerintahan

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN SATU

BAB 8: TAMADUN ISLAM DAN SUMBANGANNYA	
Akhlak	Budi pekerti
Al-Quran	Kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk panduan hidup manusia
Akidah	Keimanan yang diyakini
Animisme	Terdapat juga masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animism. Mereka percaya kepada roh dan kuasa ghaib
Fatanah	Bijaksana
Ghanimah	Harta daripada peperangan
Hadis	Perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya
Halal	Dibenarkan menurut Hukum Islam
Hunafa'	Ketika ini juga masih terdapat penganut yang mengamalkan ajaran yang dibawa oleh Nabi Ibrahim AS
Jahiliyah	Berasal daripada perkataan <i>jahala</i> yang bermaksud jahil
Jizyah al-Ru'us	Cukai diri
Kafilah	Rombongan pengembara atau pedagang yang membawa barang dagangan merentasi padang pasir
al-Kharaj	Cukai tanah
Majusi	Mereka menyembah api. Agama ini berasal dari negeri Parsi
Mihrab	Ceruk di dinding sebuah masjid, merupakan tempat khatib menyampaikan khutbahnya
Mimbar	Platform di dalam masjid tempat Imam berdiri untuk memberi khutbah
Nasrani	Agama ini juga dianuti oleh Bani Israel yang tinggal di utara Semenanjung Tanah Arab melalui penduduk Ghassan dan Hirah
Rasulullah	Utusan Allah atau Pesuruh Allah
Riba	Faedah berganda yang membebankan dan diharamkan oleh Islam
Siddiq	Benar
Suq al-Ansar	Pasar yang didirikan dan Berjaya membangunkan ekonomi umat Islam tanpa menyisihkan pesaing mereka, iaitu orang Yahudi
Suh al-Jizyah	Cukai perlindungan
Syariah	Hukum Islam
Syura	Mesyuarat yang diadakan untuk mencapai keputusan mengikut suara ahli yang terbanyak
Tabligh	Menyampaikan Islam
Teknik Cantuman	Teknik yang digunakan untuk menghasilkan pelbagai bunga dan buah
Al-'Usyr	Cukai perdagangan
Wahyu	Firman (kalam) Allah SWT yang dibacakan kepada Nabi dan Rasul-Nya yang disampaikan oleh malaikat (Jibrail)
Wathani	Mereka menyembah berhala. Antaranya termasuklah al-Lata, al-Uzza, al-Manat dan Hubal. Terdapat 360 buah berhala di sekeliling Kaabah
Yahudi	Agama ini dianuti oleh Bani Israel. Agama ini dikembangkan di utara Semenanjung Tanah Arab